

CATUR

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1. Pertandingan catur MASUM akan dijalankan mengikut:

- 1.1.1. Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM.
- 1.1.2. Peraturan Teknikal Federation Internationale Des Echecs (FIDE) semasa.

1.2. Pertandingan ini terdiri daripada acara-acara berikut:

Lelaki	Wanita
Standard Individu	Standard Individu
Standard Berpasukan	Standard Berpasukan

1.3. Setiap universiti dibenarkan menghantar:

- 1.3.1. Maksimum 6 pemain lelaki, 6 pemain perempuan dan 4 pegawai. Bilangan pegawai tidak boleh melebihi bilangan pemain.
- 1.3.2. **2 pemain untuk kategori individu dan 4 pemain untuk kategori berpasukan mengikut acara yang dinyatakan diatas.**
- 1.3.3. Setiap pemain hanya boleh mengambil bahagian dalam 1 acara sahaja.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1. Sistem Permainan

2.1.1. Format Pertandingan :

- Dijalankan mengikut sistem Swiss 7 pusingan.
- **Pertandingan secara Individu dan Berkumpulan**

2.1.2. Untuk kategori individu, apabila pertandingan memasuki fasa dua pusingan terakhir, pemain yang mempunyai lebih daripada 50% markah tidak boleh main dengan pemain daripada pasukan yang sama.

2.2. Tempoh permainan dan tempoh menunggu

2.2.1 Masa Permainan adalah 60 minit untuk setiap pemain.

2.2.2 Waktu menunggu selama 30 minit diberikan kepada pemain.

2.3. Kawalan Masa

Kawalan masa untuk setiap permainan dibuat dengan menggunakan jam catur.

2.4. Merekod Permainan

Setiap pemain dikehendaki merekod setiap pergerakan yang dilakukan sehingga 10 minit terakhir.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kegemilangan Sukan Universiti



2.5. Maklumat Pertandingan

2.5.1. Sistem mata berikut akan digunakan

Perkara	Individu (Game Point)	Berpasukan (Match Point)
Menang	1	2
Seri	1/2	1
Kalah	0	0

2.5.2. Jika terdapat pemain yang mempunyai mata yang sama, sistem pemutus seri berikut akan digunapakai :-

- A. Direct Encounter (Where Applicable)
- B. Buchholz-1
- C. Sonnerborn-Berger
- D. Greater number Of Wins.(Forfeits will be counted)

2.5.3. Jika terdapat pasukan yang mempunyai mata yang sama, sistem pemutus seri berikut akan digunapakai :-

- A. Direct Encounter (Where Applicable)
- B. Game Point
- C. Buchholz-1
- D. Greater number Of Wins.(Forfeits will be counted)

2.6. Pakaian Pertandingan

Pemain hendaklah memakai baju dan seluar yang dibekalkan oleh Universiti mereka. Jika universiti tidak membekalkan baju, pemain hendaklah berpakaian kemas. (tidak dibenarkan berselipar).

2.7. Penarikan diri (Withdrawal)/Ganti Pemain

2.7.1 Penggantian Pemain Dibenarkan sebelum bermula Pusingan pertama dengan syarat pemain tersebut telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Peraturan AM Sukan MASUM

2.7.2 Sebarang penarikan diri atau penggantian pemain adalah tidak dibenarkan selepas pusingan pertama bermula.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kegemilangan Sukan Universiti



3. RINGKASAN PENYERTAAN

Catur	Bilangan maksimum penyertaan setiap universiti
Peserta Lelaki	6
Peserta Wanita	6
Pegawai Pasukan*	4

*Bilangan pegawai pasukan tidak boleh melebihi bilangan peserta.